

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

KHAMIS, 30 SEPTEMBER 2010

BIL. 11 TAHUN 12

HADIR

Y.B. Dato' Speaker,
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,
Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.
Dr. Hajah Robia binti Dato' Haji Kosai
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.
Puan Asiah binti Md. Ariff, AMN.
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.
Encik Hoo Seong Chang, PIS.
(Paloh)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., PIS., AMN.
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.
(Yong Peng)

Y.B. Datuk Haji Sulaiman bin Haji Taha, DMSM., KMN., AMN., PIS., PJK.
(Tenang)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,
(Pemanis)

Y.B. Encik Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.
(Bukit Naning)

Y.B. Dr. Lee Hong Tee,
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,
(Sedili)

Y.B. Encik Ja' affar bin Hashim, PPN.
(Senggarang)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,
(Stulang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,
(Mengkibol)

TURUT HADIR

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI
JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Dato' Haji Abd. Latiff bin Yusof DPMJ., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.
Encik M. Asojan a/l Muniyandy
(Gambir)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.
(Tenggaroh)

Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.

Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis baca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.

Y.B. Dato' Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah dengan sedihnya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Loh Fook Yen yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Sri Lalang untuk dua penggal berturut-turut mulai 26 April 1964 hingga 13 Mac 1969 dan pada 19 Jun 1969 hingga 31 Julai 1974, telah meninggal dunia pada 20 September 2010. Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan Mendiang dan marilah kita bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat Mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri. (Dewan bertafakur).

Y.B. Dato' Speaker : Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 dan 25 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2010.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dr. Boo Cheng Hau, jemput.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 1.

Apakah kos pembinaan Projek-Projek Perumahan Rakyat Iskandar, Sri Stulang dan Gelang Patah dan berapakah bilangan unit kediaman dibina di dua-dua lokasi ini masing-masing?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai latar belakangnya projek perumahan rakyat merupakan inisiatif kerajaan bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada mereka yang tidak memiliki rumah serta menempatkan semula penduduk-penduduk setinggan ke kawasan perumahan yang lebih elok dengan

kemudahan infrastruktur yang lengkap. PPR Stulang ini, sepertimana yang dibangkitkan oleh ADUN Skudai adalah dibina untuk menempatkan semula penduduk dari Rumah Pangsa Bukit Chagar, Johor Bahru yang terlibat dengan pembinaan CIQ atau Kompleks Kastam dan Kuarantin serta menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada setinggan-setinggan yang terdapat dalam kawasan Parlimen Johor Bahru. PPR Stulang dibina atas tapak seluas 40 ekar dalam Mukim Plentong dengan kos pembinaan sebanyak RM83.75 juta.

PPR ini Yang Berhormat Dato' Speaker, terdiri daripada 22 blok bangunan 5 tingkat yang mengandungi 1,500 unit kediaman yang keluasannya 680 kaki persegi setiap unit dan mempunyai juga 24 unit rumah kedai. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 2 November 2004 dan siap sepenuhnya pada 30 November 2007. Kadar sewa yang dikenakan adalah sebanyak RM124.00 sebulan bagi unit kediaman yang mempunyai 3 bilik tidur dan RM300.00 sebulan bagi unit kedai.

PPR Iskandar pula Yang Berhormat Dato' Speaker, dibina untuk menempatkan semula penduduk dari Rumah Pangsa Lumba Kuda yang juga terlibat dengan pembinaan Kompleks Kastam dan Kuarantin. Unit-unit kediaman di PPR Iskandar juga ditawarkan kepada penduduk-penduduk setinggan yang terdapat dalam kawasan Parlimen Johor Bahru. Dan, PPR ini terletak atas tapak seluas 24 ekar di Mukim Plentong dengan kos pembinaannya sebanyak RM58.34 juta. Dan, mula dibina pada 16 Ogos 2004, siap 30 Ogos 2007. Dan, PPR ini terdiri daripada 12 blok bangunan 5 tingkat yang mengandungi 960 unit kediaman yang keluasannya 680 kaki persegi serta 12 unit kedai. Kadar sewanya pun sama iaitu RM124.00 sebulan bagi unit kediaman dan RM300.00 bagi unit kedai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain daripada pembinaan projek perumahan rakyat, kerajaan melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun IRDA juga membina Projek Perumahan Iskandar Malaysia yang terletak di Nusajaya bagi memenuhi keperluan tempat tinggal khusus bagi mereka yang bekerja di dalam kawasan Wilayah Iskandar Malaysia. Projek Perumahan Iskandar Malaysia ini dibina atas tapak seluas 60 ekar dengan kos pembinaan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan berjumlah RM200 juta. Projek ini dijadualkan siap pada awal tahun hadapan dan boleh mula diduduki, insya-Allah pada suku tahun kedua 2011. Projek ini terdiri daripada 1,500 unit kediaman 4 tingkat dan 12 unit gerai makanan, gerai makan. Projek ini juga dirancang untuk memberi kemudahan yang lebih baik kepada penduduk rumah awam dengan adanya ruang dalaman yang lebih luas, kemudahan awam dan prasarana, padang permainan, dewan orang ramai yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan penduduk setempat.

Y.B. Dato' Speaker : Skudai.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah memandangkan kos pembinaan yang begitu tinggi ya, untuk katanya, untuk PPR Lima Kedai adalah 1,500 unit dengan kos RM200 juta. Maknanya satu unit kos pembinaan adalah RM133,000.00. Itu kalau pada bidang swasta, untuk pembinaan kondominium lagi murah dari harga itu. Dan, untuk katanya, untuk Iskandar satu unit adalah lebih kurang RM60,000.00 untuk satu unit, yang dikatakan kos unit kos rendah.

Memandangkan kos yang begitu tinggi, bolehkah Yang Berhormat Pengerusi memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bagaimana kos pembinaan boleh dijimatkan dan apa puncanya mengakibatkan kos untuk pembinaan PPR satu unit adalah kos lebih dari pembinaan kondominium yang mewah?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah jelaskan tadi bahawa projek perumahan yang terletak di Iskandar ni iaitu di kawasan Lima Kedai ini adalah agak berbeza dengan PPR Iskandar dan PPR Stulang. Betullah, PPR Iskandar kosnya seunit adalah dalam RM60,000.00 satu unit dan di Stulang ialah RM55,000.00 seunit. Dan, di Iskandar ini ialah 1,500 unit ini harga dia ialah lebih kurang RM133,000.00 seunit. Tapi, kalau kita tengok daripada segi keluasannya pula dia mempunyai samalah 3 bilik tidur tetapi keluasan lantainya untuk 10% daripada 1,500 unit ini ialah seluas 1,200 kaki persegi. Jadi, dia besar ha, dia lebih kurang sama macam juga kondominium yang *standard* ada di Johor Bahru 1,200 kaki persegi dan bakinya 90% itu lagi keluasannya pun ialah 900 kaki persegi seunit dan tujuan dibina rumah kediaman awam di Iskandar ini ialah yang utamanya ditumpukan oleh pihak IRDA ialah kepada mereka yang baru bekerja di kawasan Iskandar, keluarga muda, mungkin 1, 2 orang anak dan diberikan kemudahan untuk tempat tinggal, untuk bekerja dan juga duduk dengan selesa di dalam kawasan Iskandar dengan keluasan rumah awam yang lebih baik nak dibandingkan dengan PPR yang dua, yang lain-lain itu tadi dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu hidup pekerja di kawasan, di kawasan Iskandar. Itu bezanya, projek yang dibuat oleh IRDA dalam Iskandar dengan projek yang dibuat oleh KPKT di dalam kawasan daerah, dalam daerah Johor Bahru ini kalau nak dibandingkan antara PPR Stulang, PPR Iskandar dan juga rumah, kemudahan awam yang khusus disediakan untuk pekerja dalam kawasan Iskandar yang dibina oleh IRDA. Dan, saya cadangkan kalau boleh, Ahli Yang terhormat dan juga yang lain-lain ni datanglah tengok dia punya keadaan rumah dia, kemudahan-kemudahan yang ada, yang dah nak hampir siap ni, yang dibuat dengan cara IBS iaitu pasang siap yang terkini yang dengan keluasan lantainya, keluasan lantainya seluas 1,200 kaki persegi untuk yang 10% daripada 1,500 unit itu dan juga satu lagi ialah 900 bakinya 900 kaki persegi. Jadi, dalam keadaan yang lebih selesa untuk, untuk dan nak dibandingkan dengan harga kondominium yang lain pun ini, harga ini adalah murah iaitu RM133,000.00 kosnya satu unit.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Maharani.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Bagi perumahan yang telah siap dibina ini adakah ia telah didiami sepenuhnya dan kalau belum adakah syarat-syarat tertentu untuk selain daripada mereka yang terlibat dengan projek-projek tadi yang boleh memohon untuk mendiami perumahan sini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Minta maaf Yang Berhormat, boleh, kalau boleh ulang balik?

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Perumahan yang telah siap dibina ini adakah telah didiami sepenuhnya pada masa ini, makna telah ada mendudukinya

dan kalau belum ada yang menduduki siapa mereka lagi yang layak untuk memohon mendiami rumah ini? Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk PPR Iskandar dan PPR Stulang telah pun dipenuhi penduduknya 100% dan kalau kekosongan yang ada adalah daripada kemungkinan yang tak bayar sewa, yang kita keluarkan itu ada kekosongannya dan akan diisi mengikut senarai yang menunggu, yang memang sedia ada di Pejabat Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi yang PPR Iskandar, yang rumah awam Iskandar ini, yang ini belum siap lagi dan akan ditentukan oleh apa ini, pihak IRDA senarainya siapa yang akan menduduki rumah ini dengan syarat-syarat yang dikenakan iaitu antaranya syarat-syarat kelayakan untuk menyewa ialah:

1. Rakyat Malaysia telah berkahwin.
2. Umur antara 18 hingga 60 tahun.
3. Jumlah pendapatan tidak melebihi, jumlah pendapatan keluarga tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.
4. Dan tidak memiliki hartanah di kawasan Iskandar Malaysia
5. Dan juga tidak menduduki rumah awam Kerajaan Negeri Johor di Iskandar Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan.

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan. (Kahang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 2.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran pesisir dan pantai di Negeri Johor dan apakah tindakan pencegahan yang sedang diambil?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam menangani masalah berkaitan pencemaran pesisir pantai, kerajaan sentiasa melaksanakan tindakan pencegahan melalui penguatkuasaan bersama di antara agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut dan APMM serta menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada. Tindakan pencegahan seperti rondaan bersama di laut atau menaiki helikopter ini dilaksanakan bertujuan untuk mengawal segala punca yang berpotensi untuk mencemar serta memberi kesan kepada alam sekitar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memandangkan Negeri Johor mempunyai kawasan pantai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia meliputi lebih daripada 800 kilometer. Ianya juga terdedah kepada ancaman tumpahan minyak dari kapal-kapal dagang yang berlabuh ataupun melintasi perairan Negeri Johor. Oleh demikian, tindakan penguatkuasaan laut secara bersama oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan juga sentiasa dijalankan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Encik Ja'ffar bin Hashim, jemput.

Y.B. Encik Ja'ffar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 3.

Dilihat kematian mengejut dewasa ini yang disebabkan penyakit jantung dan strok semakin meningkat. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menjadikan masyarakat kita lebih prihatin terhadap kesihatan mereka?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, sakit jantung dan strok adalah komplikasi daripada penyakit *diabetes* atau kencing manis dan *hypertension* atau darah tinggi. Menurut kajian mobiliti kebangsaan 2006, *prevalent diabetes* ialah 14% di banding dengan 8.6% pada tahun 1996. Manakala *prevalent* penyakit *hypertension* pulak 42% berbanding dengan 30% pada 1996. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan gaya hidup yang tidak sihat akibat pemodenan dan urbanisasi selari dengan kemajuan pesat negara. Kematian disebabkan penyakit jantung dan strok pada tahun 2007; strok seramai 525 orang, penyakit jantung 891, tahun 2008; 594 strok, penyakit jantung 990 orang, 2009; 634 strok dan penyakit jantung 979.

Menyedari keadaan ini Kementerian Kesihatan telah melancarkan Kempen Cara Hidup Sihat sejak tahun 1991 bagi mengajak seluruh rakyat mengamalkannya bagi mencegah kejadian penyakit-penyakit kronik ini. Di Johor, Jabatan Kesihatan telah melancarkannya pada tahun 2001 lagi. Amalan cara hidup sihat adalah seperti berikut:-

1. Makan secara sihat
2. Kehidupan aktif melakukan aktiviti fizikal
3. Tidak merokok
4. Jauhi alkohol
5. Mengawal stress dengan bijak

Di Negeri Johor aktiviti program gaya hidup sihat ini diadakan berterusan di mana ceramah, perbincangan kecil atau berkumpulan, nasihat individu, tunjuk cara dan pameran di adakan. Pada 2009 sahaja secara keseluruhannya seramai 46,625 masyarakat di Negeri Johor telah didedahkan dengan aktiviti program gaya hidup sihat di mana 255,022 orang adalah di kalangan pelanggan klinik, manakala 109,603 orang merupakan masyarakat umum di mana aktiviti ini dijalankan di peringkat komuniti termasuk program bersama pemimpin. Masyarakat paling banyak didedahkan adalah komponen makan secara sihat diikuti dengan melakukan aktiviti fizikal dan tidak merokok.

Dalam kaedah promosi ini, nasihat individu melibatkan 117,726 peringkat klinik-klinik, ceramah 4,840, tunjuk cara 4,782, perbincangan kaum kecil kumpulan 1,940 dan pameran 416. Bilangan individu yang terlibat dengan gaya hidup sihat, makan secara sihat pada 2009, 243,663 orang hingga Jun 2010, 73,442 orang. Lakukan aktiviti fizikal 56,905 pada tahun 2009, 6,406 orang hingga Jun tahun ini. Tidak merokok pada tahun

2009, 31,304 dan 2010 hingga Jun adalah 14,192 orang dan jauhi alkohol 1,922 pada tahun 2009.

Pengurangan bilangan kematian mengejut akibat penyakit jantung dan strok dapat dicapai jika semua masyarakat mengambil berat tentang kesihatan mereka. Saringan awal bagi mengesan tekanan darah, gula dalam darah, lemak dalam darah, kelebihan berat badan perlu dibuat secara intervensi supaya intervensi faktor risiko dapat dibuat dan penyakit dapat dihindarkan. Rawatan awal penyakit dapat mengelakkan ataupun melambatkan komplikasi penyakit kronik ini seperti serangan jantung, strok, kebutaan, kegagalan buah pinggang, amputasi kaki dan kematian premature.

Y.B. Dato' Speaker : Senggarang.

Y.B. Encik Ja'ffar bin Hashim (Senggarang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasihlah di atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Cuma apa yang kita lihat pada hari ini banyak kempen dan juga penerangan, maklumat berkaitan dengan kesihatan ini dibentangkan ataupun diadakan pada masyarakat umum khususnya dari segi kempen merokok. Kalau kita perhatikan kalau kita duduk dalam sepuluh orang yang merokok lebih ramai daripada yang tidak merokok, sedangkan kempen merokok tu dah berjuta dibelanjakan. Jadi adakah boleh ataupun langkah yang diambil oleh Kerajaan Negerilah secara maknanya secara peribadi di peringkat negeri kita sendiri kita mengadakan satu ataupun mewujudkan buku panduan berkaitan dengan kesihatan yang wajib ataupun perlu dibawa setiap orang khususnya di kalangan pemimpin masyarakatlah, yang buku nota ini atau buku kecil ini, dia mengandungi, kalau kandungan gula sekian tinggi kena pergi rawatan ataupun maknanya ada notis-notis yang kena diberikan kepada orang, individu tertentu, khususnya pada pemimpin agar mereka wajib untuk hadir menjalani rawatan, kalau boleh dibuat di peringkat Kerajaan Negeri kita sendirilah. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Speaker, kempen tidak merokok ini memang Yang Berhormat kata tadi, tak semua orang merokok tetapi akibat daripada merokok ini, jadi bahaya merokok tu akan complicated penyakit –penyakit yang sedia ada. Jadi, daripada ceramah-ceramah dan pameran dan sebagainya melakukan gaya hidup sihat ini supaya tidak merokok, akan memberi kesedaran kepada masyarakat yang merokok dan yang tidak merokok supaya jangan merokoklah. Jadi, memang kita adakan penerangan sepenuhnya untuk jangan merokoklah.

Y.B. Dato' Speaker : Kempas.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Terima kasih Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat ada sakit jantung?

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Ha, itu nak tanya, itu nak tanya. Ini pengalaman daripada orang yang dah pernah kena tetapi bukan kerana hisap rokok. Saya dulu pun jarang-jarang hisap rokok.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat jawab ke, soal aje. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Alhamdulillah itu bukan kena, dia macam membersihkan *overhaul* badan saya, jadi sekarang ini lagi sihat, lagi sihat.

Y.B. Dato' Speaker : Soalan dia apa Yang Berhormat?

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Dia 20 tahun lebih muda lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan penyakit jantung ini ada orang yang tak hisap rokok pun kena sakit jantung. Contohnya bekas mantan Perdana Menteri kita tak hisap rokok, sampai 2 kali operate,

Y.B. Dato' Speaker : ... panjang umur.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : ... panjang umur pulak lagi. Sakit jantung ini disebabkan...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat macam menjawablah doktor pulak, soalan.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Kita ada pengalaman kita *share* sikitlah, ok. Satu kerana *stress*, yang keduanya kerana kurang rehat, macam Wakil Rakyatlah sebab kena...

Y.B. Dato' Speaker : Dia kalau 2, 3 bini *stress* tak, lebih isi.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : *Happy*.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, *happy*.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Yang satu bini tu yang kadang-kadang *stress*. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha ialah., itu saya tak fahamlah. (Dewan ketawa).

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Apa taknya kalau balik tengok bini masam muka.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat dah habis soal?

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Nak buat cerita lain tak boleh, nak lagi. Sebenarnya apa yang saya lihat pada hari ini adalah kekurangan daripada segi pihak kerajaan memberikan pemantauan atau memberikan cara untuk kita menjauhi dan juga mengurangi *stress* ini. Saya lihat tidak banyak tempat-tempat riadah secara percuma yang disediakan. Hari ini tempat riadah kebanyakannya yang ada semua nak kena bayar. Jadi, kalau adapun tempat-tempat jogging dah habis dah, macam mana khususnya di bandar ni kita nak berjoging pagi, kalau di tepi jalan, tepi highway nanti merbahaya pulak. Jadi, saya mintak supaya kerajaan menyediakan lebih banyak tempat-tempat riadah secara percuma, begitu juga di klinik-klinik. Kalau kita

nak *check* kesihatan kita di tahap mana, yang ada dia tengok dia cucuknya kita, dia diambilnya darah, itu sahaja, mengapa tidak diadakan perkhidmatan percuma *stress test* iaitu dengan izin *completely check*. Tengok daripada *content* gula di darahnya, tekanan jantung tinggi atau rendah dan sebagainya. Jadi kalau macam gini kita dapat mengurangkan daripada serangan-serangan jantung.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok, itu saja soalan dia.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Itu soalnya. Buat kempen, bagi perkhidmatan secara *complete*.

Y.B. Dato' Speaker : Ha ok.

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Bukan hanya tengok darah, oh bagus dia kata, 13, 14, itu sahaja. Jadi, saya cadangkan ada tak pihak kerajaan mengadakan perkhidmatan seperti ini, terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat , soalnya ada 2, 3. Tentang tempat-tempat riadah dia memang tiap-tiap PBT, tiap-tiap perumahan memang ada tempat-tempat untuk riadahlah, paling-paling sikit pun buaian untuk kanak-kanak tetapi yang *free* tu memang sedia dah, keliling rumah ni kalau kita jogging keliling rumah aje, dah ada mengeluarkan peluh ataupun bercucuk tanam, main badminton di rumah, tak payah pergi ke tempat-tempat riadah, di rumah sendiri dah jadi tempat beriadah dan apa tu kita...

Y.B. Datuk Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Rumah teres tak ada kompaun.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Rumah teres ke?

Y.B. Dato' Speaker : Jawab ajelah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Atau kita pun ada, kita dah lancarkan 10,000 langkah, 10,000 langkah ini kita jalan ada meter dia, tiap hari kalau kita berjalan sebanyak 10,000 langkah , kita akan mengurangkan penyakit-penyakit ini dan kita dapat berasa sihat dan selain daripada 10,000 langkah ini, kita jalan-jalan nampak ada sampah tolong buat sekalilah untuk membuang pembiakan aedes. Jadi, perkara hendak mewujudkan tempat-tempat riadah ini kita boleh fikir macam mana kita boleh buat secara sendirilah, *exercise* sendiri, di rumah *push up* dan sebagainya, tak payah pergi ke tempat-tempat riadah. Kalau tak adalah. Dan, tempat-tempat klinik-klinik ini, tempat-tempat di mana di Negeri Johor ini kita ada 88 buah klinik kesihatan dan tiap-tiap klinik ini kita sekarang ini kita melancarkan *empowerment community*. Maksudnya komuniti ini, yang kalau ada masa sikit, nak tengok keadaan darah dia dan sebagainya dia boleh pergi ke klinik berdekatan, dia sendiri *check blood pressure* dia dan dia sendiri boleh cucuk jari untuk melihat kadar darah, gula dalam darah sendiri. Tak payah lagi jumpa doktor baru tanya, tak. Sekarang ini kita buat *empowerment*

kepada semua masyarakat. Dan di klinik-klinik Malaysia ini, 1 Malaysia ini kita pun dah ada macam itu, jadi sebab kita tak ada doktor di situ, mereka ini orang-orang di pangapuri dan sebagainya, flat-flat ini akan pergi sendiri *check* sendirilah. Jadi saya menasihatkan kalau bolehlah, Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh *check* sendiri di klinik-klinik berhampiran. Ataupun boleh beli sendiri kita ada BP set yang digital, kita ada buat *prick test* untuk *sugar*, gula dalam darah itu.

Y.B. Dato' Speaker : Hm.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Jadi, tak payahlah tunggu doktor yang, kalau kita tengok kita punya darah, *blood sugar* dah 12, 14, ha itu kena pergi jumpa doktor. Kalau kita dalam *within normal limit*, kita boleh kawal dalam cara pemakanan yang sihat dan individu, latihan individulah. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah, oklah satu. Pasal Yang Berhormat doktor, tak apalah saya izinkan.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Soalan tambahan saya adalah, sebab klinik 1 Malaysia ini tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya menurut Akta Perubatan 1970 setiap klinik kalau pakai nama klinik sepatutnya ditugaskan oleh seorang doktor yang berkelayakan dengan MMC. Bagaimana Kementerian Kesihatan membenarkan klinik 1 Malaysia...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia soalan asal cerita jantung. Dia tak cerita klinik ini nak tambah itu, dia cerita sakit jantung. Yang Berhormat perlu hurai dalam cerita sakit jantung saja.

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : Sebab cuma buat soalan susulan...

Y.B. Dato' Speaker : Hei Yang Berhormat berdiri tu kenapa?

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) : ...yang dibawa oleh Yang Berhormat Pengerusi itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker : Eh, habis, nak jawab?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Nak jawab, bolehlah saya jawab sedikit tentang klinik 1 Malaysia ini. Dia sama juga dengan klinik-klinik kesihatan lain yang tidak mempunyai doktor. Dia ada MA aje. Klinik-klinik Desa, sama juga. Tapi, klinik Malaysia ini dipantau oleh doktor yang berada di klinik kesihatan berdekatan. Jadi, sebab itu kita tak ada kasi MC dan kita merawat penyakit-penyakit ringan aja. *Cough and cold*, yang biasa aja, luka, kita buat TNS dan sebagainya. Tidak, kalau berat atau penyakit yang teruk

kita selalunya *refer* ke hospital yang berdekatan atau *refer* doktor. Yang bertanggungjawab adalah *doktor* yang menjaga di kawasan itu. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Oklah, saya bagi sedikit lagi.

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan sakit jantung, Yang Berhormat. Memandangkan bahawa ramai pesakit-pesakit jantung ini yang tidak mendapat rawatan terus daripada pakar-pakar jantung. Memandangkan daerah-daerah selain daripada Johor Bahru ini tidak ada pakar-pakar jantung, jadi adakah pihak Kementerian ataupun Jabatan bercadang untuk meringankan beban-beban mereka-mereka yang sakit jantung ini dirujuk terus ke Johor Bahru? Adakah bercadang untuk mewujudkan lawatan-lawatan pakar-pakar jantung ini ke daerah-daerah? Sebulan sekali atau seminggu sekali.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat...

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : untuk memudahkan pesakit ini dapat rawatan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, Yang Berhormat merokok tak? (Dewan ketawa).

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Sosial, sosial dipanggil.

Y.B. Dato' Speaker : Sosial? Jarang-jarang?

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) : Jarang-jarang. Kalau *stress* saja. (Dewan ketawa).

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah. Oh, ada juga *stress* yalah.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Terima kasih Yang Berhormat. Tentang penyakit jantung ini, saya rasa Yang Berhormat pun sedia maklum. Negara kita ini memang kekurangan pakar jantung, kita ada pakar sakit jantung dan juga pakar *surgeon, cardiotorasic surgeon*. Di Johor Bahru ini HSA ada 3 aje *team cardiotorasic surgeon, cardiologist* ada berapa orang aje untuk di Johor Bahru. Untuk di Negeri Johor ini dia ada *referral point*, jadi daripada hospital-hospital di seluruh Johor akan di *refer* ke Hospital HSA atau HSI. Jadi memandangkan tidak ramai pakar-pakar dan mereka ini tiap hari memang ramai datang kepada mereka, tak ada masa untuk ke daerah-daerah. Walau bagaimanapun, pakar-pakar perubatan, kita ada hari-hari tertentu untuk pergi ke daerah-daerah yang tidak ada kepakaran yang macam di Mersing dan sebagainya. Kita memang memberi perkhidmatan sebegitulah dan apabila pakar-pakar perubatan ini mendapati bahawa pesakit ini memang perlu mendapat rawatan selanjutnya dia akan *refer*lah. Dan, minta maaf, *waiting list* untuk pembedahan ataupun penyakit koronari ini memanglah panjang. Jadi, walau bagaimanapun, kalau yang betul-betul suntuk ke apa, kita akan *refer* ke IJN. *Refer* ke IJN ataupun di Selayang. Jadi, memang kita berusaha sebaik mungkin untuk mendapat, memberi perkhidmatan yang bagus

kepada semua masyarakat. Jadi untuk yang berkemampuan, dia bolehlah pergi ke *private hospital*. Memang tak ramai, untuk pengetahuan, adalah memang tak ramai pakar-pakar kardiologi atau *Cardioturasic surgeon*. Saya harap anak-anak Yang Berhormat nanti boleh jadi pakar-pakar ini untuk meringankan *burden* yang dihadapi.

Y.B. Dato' Speaker : Anak Yang Berhormat tak ada doktor?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak ada.

Y.B. Dato' Speaker : Oh, yalah Yang Berhormat *single*, mana ada.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Tak ikut mak dia, *politician* tak jadi.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan nombor 4.

Masalah perumahan di bandar timbul apabila berlakunya migrasi ke bandar. Kebanyakan mereka adalah berpendapatan sederhana dan rendah serta tidak mampu membeli rumah. Berapa jumlah setinggan mengikut kaum dalam bandar mengikut daerah dalam Negeri Johor sekarang?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah setinggan dengan kerjasama erat Kerajaan Persekutuan dan juga pihak swasta. Jumlah setinggan di Negeri Johor pada tahun 1996 mengikut rekod kita adalah seramai 40,000 keluarga dan bilangan ini telah berjaya dikurangkan kepada 11,532 keluarga pada tahun 2010 ini. Ini bermakna kita telah berjaya mengatasi masalah setinggan sebanyak 71% yang melibatkan 28,468 keluarga dalam tempoh 14 tahun. Baki setinggan yang ada seramai 11, 532 keluarga akan diselesaikan oleh Kerajaan Negeri melalui Pelan Tindakan Dan Pengurusan Setinggan Negeri Johor 2010-2020 yang sedang disiapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

Untuk makluman Dewan juga Yang Berhormat Dato' Speaker, bancian setinggan adalah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan. Dan, daripada jumlah yang saya nyatakan tadi kebanyakannya adalah tertumpu di kawasan bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik. Jumlah setinggan yang tertinggi adalah di daerah Johor Bahru iaitu seramai 9,951 keluarga merangkumi 86% daripada jumlah baki yang saya sebutkan tadi. Dan, bilangan setinggan bagi daerah-daerah lain adalah seperti berikut:-

- i. Johor Bahru tadi saya dah sebut.
- ii. Batu Pahat, 561 keluarga;
- iii. Kluang, 441;
- iv. Pontian, 318;
- v. Kota Tinggi, 98;
- vi. Kulaijaya, 88;
- vii. Segamat, 51;
- viii. Muar, 24 dan jumlah keseluruhannya ialah 11,532 keluarga.

Y.B. Dato' Speaker : Permas.

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas) : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma soalan saya adalah berkenaan dengan setinggan-setinggan baru yang dibina selepas setinggan-setinggan diberi rumah di kawasan perumahan, terdapat juga beberapa kawasan yang di mana setinggan-setinggan baru diwujudkan. Kawasan-kawasan yang dikosongkan itu, rumah-rumah baru dibina oleh orang-orang lain. Apakah tindakan kerajaan diambil untuk menghalang supaya setinggan-setinggan baru tidak diwujudkan lagi. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita memang sentiasa mengawasi tentang permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Iaitu, kalau mengikut perancangannya ialah, apabila sesuatu kawasan itu diambil tindakan untuk dipindahkan setinggan ke kawasan perumahan yang telah disediakan, maka kawasan yang ditinggalkan itu hendaklah dikawal rapi oleh Jabatan yang berkenaan iaitu dalam kes ini ialah diletakkan tanggungjawab ini kepada Pejabat Tanah Galian Negeri dan Pejabat Tanah di daerah masing-masing dengan kerjasama daripada pihak PBT yang berkenaan. Masalah yang dibangkitkan ini saya kira kalau boleh Ahli Yang Berhormat maklumkanlah kepada kita dengan segera di mana yang berlaku. Setahu kita yang telah kita ambil tindakan selepas banjir itu hari, ialah di kawasan Kampung Laut iaitu di kawasan, keseluruhan di kawasan Kampung Laut itu jumlah setinggannya saya difahamkan ialah lebih kurang 400 lebih keluarga dan separuh daripada keluarga itu pun telah dipindahkan ke kawasan perumahan Rumah Murah yang tinggal di atas kawasan rizab jalan dan kawasan itu pun telah dibina jalan saya difahamkan. Dan, kita dah tentukan bahawa tak ada setinggan-setinggan baru yang masuk duduk di kawasan Kampung Laut, sebagai contohlah.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Senai.

Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) : Terima kasih Dato'. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya nak tanya mengenai masalah setinggan di Negeri Johor ini. Setinggan *still* setinggan, walaupun dikenali sebagai setinggan, tetapi sebilangan mereka telah menduduki di tempat yang dikatakan setinggan bertahun-tahun, kenapa pemilikan tanah oleh mereka tidak boleh diberikan *recognition*, pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri dengan dikeluarkan surat tahan milik. Mereka sudah bertahun-tahun. Walaupun, selagi mereka tidak dikeluarkan surat tahan milik, maka tanah itu adalah tanah hak milik Kerajaan. Jadi, saya tidak faham kenapa Kerajaan Negeri

tidak boleh memberikan pengiktirafan kepada hak mereka. Saya rasa cara sedemikian adalah memang menyalahi hak asasi manusia. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker : Hak asasi?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Tanggapan Ahli Yang Berhormat Senai dah jauh dah lari daripada keadaan sebenarnya. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nak ikut rekod, malangnya saya tak ada butiran di sini. Sepanjang perjalanan perkhidmatan kerajaan yang ada inilah, memang satu daripada pendekatan yang dibuat oleh kerajaan yang ada di peringkat negeri ini ialah, di mana kawasan yang boleh dikurniakan walaupun dah bertahun-tahun. Kita dah ada banyak kes kalau boleh nanti saya keluarkan balik daripada Pejabat Tanah Galian, di mana kawasan-kawasan setinggian kita kurniakan tempat itu kepada yang duduk di dalam kawasan yang berkenaan setelah dibanci. Seawal tahun 80-an pun, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan misalnya satu daripada pendekatan untuk menangani masalah setinggian di kawasan daerah Johor Bahru ialah mengurniakan T.O.L buat sementara waktu dulu, itu tahun 80-an dahulu...

Y.B. Dato' Speaker : Ya.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Kepada kawasan-kawasan yang di ceroboh oleh mereka yang tinggal di dalam daerah Johor Bahru kerana pada masa itu untuk membolehkan setinggian ini mendapat bekalan air dan bekalan api. Begitu prihatin ini kerajaan. Mungkin ada lagi tempat-tempat yang masih tertinggal yang dalam tindakan kerajaan untuk diambil tindakan ataupun di kawasan yang memang sebenarnya tak boleh...

Y.B. Dato' Speaker : Dibagi.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Diberikan hak milik. Di Skudai Kiri kita ada program khas untuk memindahkan setinggian. Dan kita lakukan dengan perancangan yang begitu rapi yang memberikan keadaan menang-menang kepada pihak yang menceroboh tanah dan juga kepada kerajaan. Saya kira inilah antara satunya kerajaan yang ada, Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Negeri yang begitu prihatin kepada permasalahan setinggian di dalam kawasan termasuk Bandaraya Johor Bahru ini dan keseluruhan Negeri Johor. Ini yang saya cakap ialah setinggian yang ceroboh tanah kerana rumah kediaman. Kalau nak sentuh tentang tanah-tanah apa ni pertanian lagi banyak. Kita sentiasa, dasar ini berjalan terus dan ini saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasar Raja) : Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Mohon penjelasan terperinci perkembangan "Gerakan Daya Wawasan" untuk kampung-kampung di dalam DUN Pasir Raja termasuk pemantauan daripada segi pembangunan ekonomi, latihan terhadap penduduk dan infrastruktur?.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Pasir Raja, di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Raja terdapat 7 buah kampung yang telah pun mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Di mana hanya 3 buah kampung sahaja telah didaftarkan sebagai Kampung Gerakan Daya Wawasan iaitu Kampung FELDA Sungai Sayong, Kampung Sungai Telor dan juga Kampung Rantau Panjang. Dan bagi lain-lain kampung, kita mengikut keutamaan untuk kita masukkan di dalam senarai Kampung Gerakan Daya Wawasan. Dan pihak jabatan juga telah mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Pembangunan Kampung kepada 5 buah kampung termasuk kampung yang tidak di dalam Gerakan Daya Wawasan di dalam Dewan Undangan Negeri Pasir Raja di mana kampung-kampung yang terlibat adalah Kampung FELDA Sungai Sayong, Kampung Sungai Telor, Kampung FELDA Pasir Raja, Kampung FELDA Bukit Ramun dan juga Kampung FELDA Bukit Besar. Di antara objektif utama bengkel ini adalah untuk membantu dan membimbing pihak Jawatankuasa Kampung mengenai permasalahan dan isu-isu yang timbul berkaitan dengan kemajuan kampung dan menganalisisnya dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Dan pihak jabatan juga telah memberikan bantuan ekonomi kampung dalam bentuk geran kepada 2 orang peserta dari Kampung FELDA Sungai Sayong dan Kampung FELDA Bukit Ramun. Di mana jumlah bantuan yang diberikan adalah tidak melebihi RM20,000.00 kepada setiap orang peserta. Dan peserta-peserta yang terlibat adalah di dalam bidang pemprosesan makanan.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, jemput.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta Penjelasan bilakah Bazar MARA Rengit yang usang dan daif akan dibina oleh pihak MARA?

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek pembangunan semula Bazar MARA Rengit tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 walaupun projek ini telah pun disenaraikan di bawah RMK-9. Akan tetapi Bahagian Pembangunan Infrastruktur Perniagaan MARA telah pun mencadangkan projek tersebut dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-10.

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan daripada EXCO. Berdasarkan fakta, penjelasan seolah-olah projek ini baru dirancanglah. Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa projek ini telah di tender dan kontraknya telah menerima *Letter Of Award* daripada penerima projek iaitu MARA. So, saya tak berapa jelas atas

penjelasan EXCO tadi, kalau kata projek ini bajetnya tidak cukup boleh diterimalah tapi projek ini dah di tender dan kontraktornya telah dapat LA daripada penerima projek iaitu MARA. Saya minta kalau bolehlah Yang Berhormat EXCO dapat melawat kawasan ini sebab terlalu daif sangat berbanding kawasan ini. Perniagaan ini cukup aktif kalau bandingkan Kompleks MARA yang dibina di tempat-tempat lain yang tak ada orang tapi di kawasan ini aktif. Minta penjelasan daripada Yang Berbahagia EXCO.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang betul-betul kenyataan daripada Yang Berhormat Rengit tadi bahawa projek ini peringkat awalnya telah pun di tender tetapi pihak MARA melalui Jawatankuasa Tender Kecil telah pun membatalkan tender tersebut pada 16 November 2009 tetapi memandangkan projek tersebut, Bazar MARA Rengit tersebut memang memerlukan pembinaan semula, maka pihak MARA berpendapat bahawa projek ini perlu dimasukkan semula di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Untuk lawatan ke sana, insya-Allah nanti saya akan berurusan dengan Yang Berhormat daripada Rengit.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Dr. Haji Mohammad bin Taslim, jemput.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan Nombor 7.

Negeri Johor pesat membangun tetapi projek-projek yang dijalankan tiada koordinasi di antara jabatan-jabatan yang terlibat. Contohnya apabila jalan raya dilebarkan seperti di Jalan Daud Muar, tiang elektrik tidak dialih ketepi dan membahayakan pengguna jalan raya. Mengapa tidak diadakan *One Stop Centre* di antara jabatan (JKR, TNB, SAJ, PBT dll) supaya kerja-kerja tidak bertindih.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap soalan saya nombor 43 adalah soalan yang sama, so, boleh tak Pengerusi dapat jawab bersama. Saya terima telefon daripada para peniaga di Muar ...

Y.B. Dato' Speaker : Ha, yalah...

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sekarang ialah hujan lebat di Muar, dan di kawasan rendah di bandar Jalan Mulia sudah dinaiki air, banjir kilat...

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Kita berharap pihak kerajaan ambil tindakan dengan segera...

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ini dah jadi soalan Yang Berhormat pula.

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) : Sekarang banjir kilat di Muar, di kawasan rendah di bandar di Jalan Mulia sudah dinaiki air.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, ha, yelah. Ini soalan. Dijemput Yang Berhormat.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan, setiap agensi mempunyai perancangan pada tiap-tiap tahun untuk menjalankan projek pembinaan. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan yang diterima oleh agensi-agensi ini adalah dari sumber dan masa yang berbeza maka projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan secara serentak dan di koordinasikan di antara jabatan dan oleh kerana itu keadaan ini telah pun menimbulkan kesulitan ekoran tiada penyelarasan dibuat berhubung kerja-kerja menaik taraf utiliti ataupun menambah utiliti yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Tenaga Nasional, Syarikat Air Johor dan Telekom Malaysia. Justeru Pihak Berkuasa Tempatan juga terpaksa menanggung masalah lanjutan kerosakan jalan, parit dan landskap disebabkan kegagalan agensi-agensi itu tadi untuk melaksanakan kerja-kerja ikut waktu yang sama, serentak dan di koordinasikan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Justeru untuk mengatasi masalah tersebut, satu garis panduan rizab utiliti dan pengorekan jalan sedang disediakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa ataupun ringkasnya JPBD, Johor susulan daripada saranan yang ditimbulkan oleh kerajaan.

Draf garis panduan ini telah melalui beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa, ini inisiatif di peringkat negeri untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Draf panduan, garis panduan ini telah melalui beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal serta bengkel yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal serta agensi-agensi penyelia utiliti itu tadi. Dan susulan daripada bengkel tersebut adalah dicadangkan ditubuhkan satu unit ataupun badan untuk mengendali dan menyelaraskan pembangunan utiliti dan infrastruktur di Negeri Johor secara *One Stop Centre*. Cadangan ini adalah selaras dengan keputusan dasar yang dibuat Kerajaan Negeri Johor untuk melantik pihak PERISIND Venture misalnya sebagai satu badan yang akan menyelia aktiviti pembangunan utiliti di negeri ini. Satu Mesyuarat Penyelarasan, ini tindakan yang terkini telah pun diadakan pada 2 September yang lalu yang telah dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor untuk menyelaraskan keperluan borang-borang permohonan bagi kerja-kerja pembangunan utiliti di Negeri Johor yang hendak dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Pihak JPBD Johor telah mengambil tindakan menyelaraskan segala syarat-syarat serta keperluan pihak PERISIND Venture untuk dimasukkan ke dalam kandungan garis panduan yang dijangka dapat disiapkan, insya-Allah dan diluluskan kerajaan pada bulan November ini.

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Masalah yang mendesak ialah apabila contoh jalan dilebarkan, tiang elektrik, tiang telefon tidak dialihkan dengan segera ini akan memberikan masalah pada pengguna jalan raya. Mengapa tidak seperti yang pernah dicadangkan oleh YB dalam Dewan, Yang Berhormat dalam Dewan ini yang dahulu supaya kos pengalihan tiang-tiang ini hendaklah dimasukkan dalam kos projek itu sendiri. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, insya-Allah permasalahan yang

memang kerap berlaku seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Maharani ini ada termasuk dalam draf yang sedang disiapkan oleh pihak JPBD.

Y.B. Dato' Speaker : Ok masa jawapan lisan telah selesai. Sekiranya ada soalan-soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : Soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2010

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2010 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2010 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak dipinda. Tambahan peruntukan pembangunan ini merupakan tambahan yang kedua bagi tahun 2010. Tambahan peruntukan pembangunan yang diperlukan adalah sebanyak RM1,082,000.00 di bawah satu Jawatankuasa seperti berikut. Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM1,082,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberikan di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan , Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM159,000.00 bagi Maksud P.59, Jabatan Landskap Negeri Johor dan RM923,000.00 bagi Maksud P.60, Jabatan Kerja Raya, dipersetujukan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Pembangunan P.59, Jabatan Landskap Negeri memerlukan peruntukan sebanyak RM159,000.00 di mana sebanyak RM109,000.00 adalah untuk menjayakan Pelancaran Program Hutan Kita Di Peringkat Negeri Johor, manakala baki selebihnya sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi bayaran penyertaan Negeri Johor ke Pameran Flora, Putrajaya pada tahun 2010. Dan bagi Maksud Pembangunan P.60, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM923,000.00 di mana RM30,000.00 adalah perlu bagi melaksanakan kerja-kerja awal pembinaan Pejabat Daerah Ledang. Sebanyak RM260,000.00 diperlukan bagi kerja-kerja penyiasatan tapak dan kerja ukur

bagi pembinaan masjid-masjid di seluruh Negeri Johor. Sebanyak RM260,000.00 pula diperlukan bagi menampung kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf Pejabat JKR Daerah Ledang, manakala baki sebanyak RM373,000.00 lagi adalah untuk penyelesaian kerja-kerja bagi Pejabat JKR Daerah Kota Tinggi.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab Maksud-Maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2010 telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Dewan Negeri Bersidang Semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan Maksud-Maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2010. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM1,082,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2010 itu diluluskan oleh Dewan ini. Dan dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM1,082,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2010 bagi menyempurnakan Maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) (NO.3) TAHUN 2010.

Y.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010) (No.3) Tahun 2010 dibacakan kali yang pertama.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi perbelanjaan Perbekalan Tahun 2010. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM20,372,000.00 sebagaimana yang diMaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 5 Jawatankuasa seperti berikut; Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM7,151,000.00; Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM2,153,000.00; Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM418,000.00; Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM8,588,000.00; Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, RM2,062,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa yang berkenaan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Jurutulis : JADUAL.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM185,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Menteri Besar Negeri Johor; RM975,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pentadbiran Dewan Negeri dan RM3,222,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Menteri Besar Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM185,000.00. Sebanyak RM28,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM125,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan perbekalan jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM32,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pentadbiran Dewan Negeri diperuntukkan sebanyak RM975,000.00. Sebanyak RM286,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, manakala selebihnya sebanyak RM689,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM3,222,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi penyelenggaraan dan pembangunan Projek *Johor Electronic Government (JEC)*, dengan izin, Fasa 2, Negeri Johor.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM257,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan, RM1,699,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan dan RM15,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan, peruntukan sebanyak RM257,000.00 adalah diperlukan kerana sebanyak RM181,000.00 bagi menampung pembayaran emolumen dan tunggakan gaji bagi anggota-anggota yang baru dilantik dan anggota-anggota yang dinaikkan pangkat manakala selebihnya sebanyak RM76,000.00 adalah bagi menampung perbelanjaan utiliti jabatan.

Manakala di bawah Maksud Bekalan B.03 juga Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM1,699,000.00. Sebanyak RM430,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan bagi membeli bekalan makanan binatang-binatang di Zoo Negeri Johor dan yang selebihnya sebanyak RM1,269,000.00 adalah perlu untuk pembayaran caruman bantu kadar atas harta-harta Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang lain bagi jabatan.

Dan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Landskap, peruntukan sebanyak RM15,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan tuntutan perjalanan dan sara hidup anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM213,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian dan RM205,000.00 bagi Maksud B.10 Jabatan Haiwan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, peruntukan diperlukan sebanyak RM213,000.00. Sebanyak RM144,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran emolumen, elaun tetap dan sumbangan berkanun kepada anggota-anggota jabatan. Selebihnya sebanyak RM69,000.00 diperlukan untuk menampung pembayaran ganjaran dan gantian cuti rehat kepada anggota-anggota bersara dan kontrak jabatan.

Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM205,000.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan belanja mengurus di bawah perkhidmatan dan bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi: Perkara itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM156,000.00 bagi Maksud B.12, Kebun Bunga Kerajaan dan RM26,000.00 bagi Maksud B.13 Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12 Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Johor, peruntukan sebanyak RM156,000.00 diperlukan. Sebanyak RM146,000.00 adalah untuk menampung perbelanjaan Emolumen kepada anggota-anggota jabatan, manakala bakinya sebanyak RM10,000.00 diperlukan bagi Pembayaran Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat anggota-anggota kontrak dan anggota-anggota yang akan bersara.

Manakala di bawah Maksud Bekalan B.13 Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM26,000.00 adalah perlu untuk menampung perbelanjaan Emolumen bagi anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM184,000 bagi Maksud B.19, Jabatan Hutan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor di peruntukan sebanyak RM184,000.00. Sebanyak RM134,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota yang baru dilantik, manakala selebihnya sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM651,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama dan RM7,089,000.00 bagi Maksud B.22, Pendidikan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM651,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Manakala bagi Maksud Bekalan B.22, Jabatan Agama Negeri Johor Bahagian Pendidikan di peruntukan sebanyak RM7,089,000.00 sebanyak RM4,947,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Sebanyak RM2,142,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran ganjaran kepada anggota-anggota kontrak jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,062,000.00 bagi Maksud B.23, Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM2,062,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan di bawah

Belanja Mengurus sebanyak RM362,000.00 diperlukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan. Sebanyak RM50,000.00 diperlukan bagi tujuan pembaikan bangunan. Manakala selebih sebanyak RM1,650,000.00 diperlukan bagi menampung pembelian bekalan bantuan bagi persediaan menghadapi bencana.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM160,000.00 bagi Maksud B.26. Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Jabatan Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor di peruntukan sebanyak RM160,000.00. Sebanyak RM140,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Elaun Lebih Masa anggota-anggota jabatan. Manakala selebihnya sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan tuntutan perjalanan anggota-anggota jabatan yang berkursus di luar Ibu Pejabat.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM848,000.00 bagi Maksud B.29, Mahkamah Syariah jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM848,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan di bawah Belanja Mengurus. Sebanyak RM126,000.00 diperlukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan, manakala sebanyak RM619,000.00 diperlukan bagi tujuan pembaikan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Johor dan selebihnya sebanyak RM103,000.00 diperlukan bagi pembelian kenderaan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM620,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM35,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM157,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM150,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM62,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM154,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi dan RM52,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar, di peruntukan sebanyak RM620,000.00.

Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, di peruntukan sebanyak RM35,000.00 di bawah Maksud bekalannya B.44, Pejabat Daerah Pontian, di peruntukan sebanyak RM157,000.00, di bawah Maksud bekalannya B.45, Pejabat Daerah Segamat di peruntukan sebanyak RM150,000.00, di bawah Maksud bekalannya B.46, Pejabat Daerah Kluang, di peruntukan sebanyak RM62,000.00, di bawah Maksud bekalannya B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi di peruntukan sebanyak RM154,000.00, di bawah Maksud bekalannya B.48, Pejabat Daerah Mersing di peruntukan sebanyak RM52,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen anggota-anggota dan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM116,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah Dan Galian; RM17,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM36,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM203,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM142,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM101,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM120,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM176,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM110,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM174,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud bekalannya B.51, Pejabat Tanah Dan Galian Johor, di peruntukan sebanyak RM116,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, di peruntukan sebanyak RM17,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.53, Pejabat Tanah Muar, di peruntukan sebanyak RM36,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, di peruntukan sebanyak RM203,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.55, Pejabat Tanah Pontian, di peruntukan sebanyak RM142,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.56, Pejabat Tanah Segamat, di peruntukan sebanyak RM101,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.57, Pejabat Tanah Kluang, di peruntukan sebanyak RM120,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, di peruntukan sebanyak RM176,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya, di peruntukan sebanyak RM110,000.00; di bawah Maksud Bekalannya B.61, Pejabat Tanah Ledang, di peruntukan sebanyak RM174,000.00. Kesemua peruntukan tambahan tersebut diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran kerja-kerja penyelenggaraan bangunan Unit Kuatkuasa Pejabat Tanah Dan Galian Johor, pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan, pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota-anggota yang bersara, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan pejabat serta perbelanjaan perjalanan dan sara hidup anggota-anggota jabatan.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : FASAL 2.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Jurutulis : Fasal Yang Pertama.

Y.B. Dato' Pengerusi : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Dewan Negeri Bersidang semula.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan, maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Y.B. Dato' Speaker : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010)(No.3) Tahun 2010 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Rundingan itu di kemuka bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini di baca kali yang ketiga dan diluluskan.

Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2010) (No. 3) Tahun 2010.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, ucapan pertama ikut masa eh, saya suruh berhenti, berhenti. Yang Berhormat Encik Chia Song Cheng, jemput.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang di berikan untuk menyampaikan ucapan tangguhan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 pada hari ini. Sebelum daripada itu, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin kepada semua yang dapat hadir dalam Dewan yang mulia ini yang beragama Islam kerana masih lagi berada di bulan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hakikatnya kita menyedari bahawa Negara Malaysia yang tercinta ini telah mencapai kemerdekaan selama 53 tahun. Dalam tempoh tersebut, perbagai kemajuan telah dicapai dari aspek ekonomi, sosial, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Pencapaian ini juga telah menjadikan negara kita Malaysia berjalan dengan lancar serta menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan yang dapat dibanggakan. Segala apa yang kita dapat nikmati pada hari ini adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dan berasaskan kepada perpaduan yang merupakan teras serta amalan dan prinsip kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita perlu mendukung dan juga memelihara perpaduan ini yang sangat penting dan menjadi asas kemajuan dan pembangunan negara. Yang demikian, kita perlu sentiasa bersatu padu dan sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain dan jangan menyentuh perkara-perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati oleh sesuatu kaum itu. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata, bersikap terbuka dan jangan menjejaskan perpaduan yang telah terjalin sejak sekian lama itu. Ini dapat menstabilkan negara dari segi ekonomi dan juga dapat menarik pelaburan dari luar negara serta mengukuhkan keharmonian dan juga kesejahteraan rakyat di dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperkara yang ingin saya bangkitkan dalam ucapan tangguhan Mesyuarat ialah mengenai tindakan buang sekolah di kalangan para pelajar sekolah menengah yang kian meningkat sejak akhir-akhir ini. Sekiranya pelajar yang masih dalam usia muda dan belum menamatkan pelajaran di peringkat menengah dikenakan tindakan buang sekolah ianya akan menimbulkan pelbagai masalah sosial di kemudian hari. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan

supaya kes-kes seumpama ini diberikan sokongan moral yang berterusan oleh pihak yang berkenaan. Tidak dinafikan, pelajar-pelajar yang baru memasuki alam persekolahan di peringkat menengah mereka mudah dipengaruhi oleh pelajar yang lebih senior dengan izin, untuk melakukan perkara yang menyalahi peraturan dan juga disiplin yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Justeru, satu pendekatan perlulah diadakan untuk menangani masalah ini dengan menerapkan nilai-nilai murni dan budaya sosial yang lebih tersusun di samping mewujudkan mata pelajaran Sivik sebagai satu medium di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini saya ingin sekali lagi untuk bertanyakan tentang kedudukan perkara-perkara yang telah dibentangkan di Persidangan Dewan yang lalu yang masih belum dilaksanakan. Antara perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut :

1. Bilakah Projek Pembinaan Rumah Rakyat bagi penduduk Kampung Skudai Kiri ke Bandar Uda Utama akan dimulakan?
2. Apakah perancangan Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelawat, pelancong ke Negeri Johor iaitu Johor Bahru khasnya dan daerah-daerah lain amnya?
3. Bilakah Kerajaan akan meningkatkan Program Bimbingan dan Latihan Rakyat Miskin bagi Negeri Johor sekali gus mengeluarkan kumpulan ini daripada senarai rakyat termiskin?
4. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menimbang bagi memberi pampasan kepada para nelayan di Kampung Bakar Batu dan Kampung Danga yang terjejas berikutan pembangunan dan juga pelaksanaan Projek Iskandar?
5. Bilakah dewan serbaguna untuk kemudahan penduduk dan masyarakat di Taman Bukit Indah dan Bandar Uda Utama akan dilaksanakan dan di manakah lokasinya?
6. Bilakah projek pembinaan ibu pejabat IPD Nusajaya akan dimulakan dan di manakah lokasinya?
7. Bilakah projek pembinaan masjid di Taman Bukit Indah akan dilaksanakan?
8. Bilakah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Pei Wah II yang telah mendapat kelulusan peruntukan akan dapat dibina?
9. Bilakah Pusat Kesihatan Tampoi hendak di naik taraf memandangkan keadaannya yang sesak berserta sempit?
10. Bilakah Pusat Kesihatan Taman Bukit Indah yang telah diberi kelulusan peruntukan oleh Kerajaan dalam RMK-10 akan dapat dilaksanakan?

11. 12 buah rumah kediaman di Jalan Kolam Air yang mana tempat mereka sudah tidak sesuai untuk didiami. 6 buah daripadanya sudah dapat kelulusan di *acquire* dengan izin, oleh Kerajaan dan 6 buah rumah kediaman di tempat yang sama tidak dapat di *acquire* dengan izin, ini adalah tidak adil. Saya telah bantu 6 buah kediaman tersebut kemukakan permohonan rayuan supaya turut di *acquire* dengan izin. Adakah bagi 6 buah rumah kediaman tersebut dapat dipertimbangkan untuk di *acquire* dengan izin.

Tujuan saya mengemukakan pertanyaan ini, adalah kerana rakyat ingin tahu ke atas perkembangan perkara tersebut dan juga menjadi harapan mereka agar segala janji yang pernah diluahkan ditepati. Pun begitu adalah menjadi harapan supaya pelaksanaan dan kerja-kerja pembangunan ini dapat dimulakan sebelum menjelang pilihan raya yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya ingin mengimbas kembali lawatan kerja Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor ke kawasan Parlimen Pulai yang meliputi DUN Kempas dan juga DUN Pengkalan Rinting pada 18 Mei 2010 yang baru lalu di mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor telah bersetuju untuk memberikan kelulusan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi mengecatkan bangunan rumah pangsa yang terdapat di Taman Melor dan juga di Taman Cempaka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun demikian tidak kurang juga ingin saya nyatakan di sini bahawa beberapa rumah pangsa terletak di DUN kawasan Pengkalan Rinting juga seperti di Jalan Camar 12 hingga 14 Taman Perling, di Jalan Pekaka 3 Taman Perling, rumah pangsa di Taman Tampoi Utama, Jalan Simbang 17 Taman Perling, serta rumah pangsa di Bandar Selesa Jaya yang telah didirikan sejak hampir 20 hingga 30 tahun lalu, perlulah juga diberi perhatian dan diberi peruntukan untuk mengecat semula bangunan-bangunan tersebut. Ini adalah disebabkan bangunan rumah pangsa tersebut adalah seperti rumah pangsa di Taman Cempaka dan juga Taman Melor yang telah usang, kotor dari segi pandangan. Badan Pengurusan Bersama mereka juga tidak mampu mengeluarkan wang untuk mengecat dan juga memohon supaya Kerajaan dapat membantu.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat, dah habis?

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : *Last*, Yang Berhormat Dato' Speaker..

Y.B. Dato' Speaker : Dia bukan *last*, dah habis.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang sentiasa memberi perhatian mengenai masalah yang berbangkit serta memberi keutamaan untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik ke atas perkara-perkara ...

Y.B. Dato' Speaker : Ok.

Y.B. Encik Chia Song Cheng (Pengkalan Rinting) : Diajukan demi memberi kepuasan kepada rakyat di Negeri Johor. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh jemput.

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertamanya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan peluang dan izin kepada saya untuk berucap di sesi ucapan penangguhan ini. Dan, alhamdulillah juga dapat saya berucap dalam Dewan yang mulia ini. Awalnya sudah tentulah saya ambil kesempatan ini juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri al mubarak kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam kerana telah berjaya menyempurnakan ibadah puasa dalam bulan Ramadan ini. Dan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bukan beragama Islam, sudah pastinya bulan ini merupakan bulan yang terbaik untuk kita menjalin persefahaman dan pedoman hidup dalam kepelbagaian agama dan dapat bersama-sama merayakan bulan kebesaran ini. Bukan sahaja bergembira menikmati juadah sewaktu berbuka puasa dan berhari raya, tetapi juga mengambil tahu adab-adab, termasuklah adap masuk masjid dan sebagainya. Pengertian, pengetahuan dan pengajaran dari dua ibadat penting ini iaitu puasa di bulan Ramadan dan juga perayaan hari raya. Mengapa ianya amat signifikan dan penting kepada kita umat Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga baru menyambut Hari Malaysia pada 16 September yang lalu. Kita telah berjaya mempercepatkan proses integrasi dan sosial rakyat berbilang kaum dan wilayah di negara kita. Ini penting demi mencapai cita-cita menjadi sebuah negara maju yang stabil, aman, makmur dan bersatu padu. Kita sebagai rakyat yang cintakan negara tidak sepatutnya membenarkan sentimen kewilayahan dan perkauman sempit membantutkan usaha kita membangun, memacu dan melonjakkan kemajuan negara lebih ke hadapan.

Pembangunan dan kemajuan yang di kecapai hari ini adalah hasil perpaduan dan kerjasama yang erat sesama warga Malaysia tanpa mengira berbilang kaum dan sempadan wilayah sejak sekian lama. Marilah sama-sama kita menghindari jerat-jerat permusuhan yang sengaja dipasang oleh pihak-pihak tertentu dengan mengapi-apikan sentimen perkauman dan kewilayahan yang melampau semata-mata untuk kepentingan politik sempit pihak tertentu. Dengan semangat yang jitu, marilah kita terus membina sebuah Negara Malaysia yang bersatu padu, aman dan makmur secara bersama. Marilah kita mengambil tekad mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu dengan mengeratkan persefahaman, penerimaan dan muhibah di antara kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam tahun ini Kerajaan telah menjalankan bancian penduduk dan perumahan yang telah dilakukan dari rumah ke rumah bagi melaksanakan Proses Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010. Bancian Penduduk kali ke-5 ini sejak penubuhan di Malaysia melibatkan proses kajian selidik ke atas 29 juta penduduk negara termasuk warga negara asing. Bancian yang

dibuat setiap 10 tahun pada kali ini adalah penting kerana ia merupakan bancian terakhir sebelum tahun 2020. Sikap orang ramai adalah merupakan masalah utama kepada pembanci melakukan tugas pembancian sepanjang gerakan Banci Penduduk dan Perumahan 2010. Pesuruhjaya Banci dan Ketua Perangkaan Malaysia memberitahu bahawa bancian tidak dapat dilakukan kerana ramai penduduk yang mendakwa tidak tahu berbahasa Melayu dan Inggeris. Majoritinya datang dari masyarakat kaum Tiong Hua yang menyatakan mereka hanya tahu berbahasa mandarin. Dalam fasa yang pertama bancian 2010, 70% daripada mereka yang tidak memberi respons adalah masyarakat Cina.

Saya mahu membawakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini kerana ini merupakan suatu perkara pokok yang sangat penting. Masyarakat Cina tidak boleh mengatakan mereka tidak memahami soal selidik banci yang disediakan kerana kebanyakan mereka tinggal di bandar dan mendapat akses kemudahan pendidikan yang baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita telah pun lahir dalam negara ini. Kita telah merdeka lebih 53 tahun tetapi kita masih gagal menggunakan bahasa kebangsaan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga selalu mendengar desakan atau tuntutan-tuntutan daripada pelbagai pihak untuk melaksanakan Gagasan 1Malaysia untuk mendapatkan hak sama rata, sama rasa, sama taraf dalam apa juga bidang. Tetapi membisu dan berdiam diri apabila berbicara soal bahasa yang ada kaitannya dengan soal jiwa bangsa. Ramai yang memandang mudah, tidak peduli perkara pokok ini. Soal bahasa, apatah lagi menuduh bahawa Bahasa Malaysia yang tidak mempunyai nilai komersial dan beranggapan bahawa bahasa tiada kaitan langsung dengan soal jati diri bangsa.

Saya berpendapat bahawa masalah ini ada kaitannya dengan sistem pendidikan negara yang dibiarkan hidup subur aliran yang pelbagai dalam sistem pendidikan yang pelbagai dan terpisah yang mana terus hidup berjalan secara berasingan walaupun kita semua tinggal hidup di bawah satu bumbung, dalam satu negara yang sama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seharusnya langkah utama yang mesti diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran yang memastikan bahawa guru-guru, pakar-pakar dalam Bahasa Malaysia sahaja yang boleh mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di semua Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan juga di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan dan swasta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sahaja yang saya ingin ucapkan untuk memendekkan masa. Sekian sahaja ucapan saya terima kasih dan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Terima kasih. Yang Berhormat Encik Mok Chek Hou jemput.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat pagi, selamat sejahtera, salam mesra dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu, saya merasa

bersyukur dan ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kesempatan ini untuk menyertai sesi ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pendekatan pembangunan holistik yang direstui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor selama ini bukan sahaja menghasilkan pembangunan fizikal dan kemajuan ekonomi, ia juga dapat mewujudkan satu masyarakat yang berbudaya dengan diberkati kesenian dan kerohanian.

Bagi melaksanakan pembangunan holistik yang lebih berkesan, selama ini Yang Amat Berhormat telah banyak kali menurun padang dan membuat lawatan ke kawasan-kawasan parlimen bagi mengenal pasti dan memahami isu-isu dan permasalahan setempat pada peringkat akar umbi. Justeru itu, Yang Amat Berhormat juga mengingatkan beliau akan kembali ke kawasan-kawasan parlimen tersebut semula untuk memastikan isu-isu itu telah ditangani dan permasalahan itu akan dapat diselesaikan. Sikap terbuka dan sentiasa turun padang serta bermesra rakyat Yang Amat Berhormat telah memenangi penghormatan dan penerimaan yang baik daripada rakyat jelata.

Di sini saya ingin menyentuh bahawa walaupun Yang Amat Berhormat telah mewujudkan satu teladan dan contoh yang baik, tetapi di kalangan perkhidmatan awam masih wujud birokrasi dan sikap negatif yang tidak selari dengan pendekatan Yang Amat Berhormat yang sentiasa menitikberatkan efisiensi dan mesra rakyat.

Jika imbas kembali dalam titah ucapan Persidangan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku pada Julai yang lalu, Tuanku telah bertitah bagi mengingatkan kepada semua Pegawai Kerajaan supaya menerapkan budaya kerja yang cemerlang, berintegriti, membuang amalan menangguhkan kerja dan mengetepikan karenah birokrasi.

Prestasi dan efisiensi serta apa yang dilakukan oleh pihak Pegawai Kerajaan akan mempengaruhi persepsi dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional yang mentadbir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa kita bersama-sama melangkah dan menuju ke depan, kita juga perlu memastikan tidak ada sesiapa pun atau kaum yang tercicir daripada proses atau arus pembangunan negara. Segala sumber dan hasil negara juga perlu dikongsi dan diagihkan serta dinikmati oleh rakyat secara adil dan saksama.

Kerajaan mengutamakan setiap warganegara mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing sepertimana yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun, matlamat-matlamat murni Kerajaan tidak akan tercapai seandainya rakyat tidak dapat menghayati, memahami dan merasai kesungguhan Kerajaan untuk meletakkan rakyat di hadapan.

Kita tidak boleh bersikap dogmatik di dalam mencari penyelesaian yang terbaik semasa menemui masalah rakyat, sebaliknya kita perlu bersikap pragmatik dan sanggup memikir di luar kotak kelaziman. Kita tidak lagi boleh bersikap yang mengatakan Kerajaan mengetahui apa yang terbaik untuk rakyat sudah jauh

ketinggalan kerana rakyat tidak akan terima terus apa jua yang ditawarkan jika tidak dapat menepati kehendak mereka. Jika hendak menawan hati dan memenangi sokongan rakyat, pemimpin perlu sentiasa berada bersama mereka ketika susah dan senang.

Rakyat mahukan pemimpin yang mengotai apa yang dikata, cakap serupa bikin dan bikin serupa cakap. Tidak cukup sekadar berkobar-kobar ketika berdebat tetapi lalai ketika berdepan masalah rakyat. Dan, dalam mengharungi proses transformasi ini, rakyat mahukan pemimpin dan penjawat awam mendekati, memahami, menyelami dan menjiwai setiap kesusahan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedia maklum Gagasan 1 Malaysia secara tersurat dan tersirat kekal menjunjung kesemua peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan. Gagasan 1Malaysia menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum itu sebagai satu aset dan kelebihan yang patut dibanggakan. Setiap kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar kita dapat hidup bersama dalam keadaan saling menghormati sebagai rakyat dalam satu negara, pencapaian 1Malaysia adalah melalui konsep integrasi dan bukan melalui konsep asimilasi. Saya berharap semua rakyat jelata tanpa kira kaum dan agama dapat mengamalkan dan menghayati sepenuhnya nilai-nilai dan semangat 1Malaysia itu yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Y.B. Dato' Speaker : Masa cukup.

Y.B. Encik Mok Chek Hou (Stulang) : Sikit lagi. Sikit lagi. Yang Berhormat Dato' Speaker, warga kota Johor Bahru memang mengalu-alukan dan menyambut baik cadangan mengadakan sistem transit pantas yang menghubungkan Johor Bahru dengan Singapura pada tahun 2018. Tetapi pada masa yang sama kita juga perlu meneliti prestasi dan tahap sistem perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya Johor Bahru. Boleh dikatakan sistem perkhidmatan awam di Bandaraya Johor Bahru adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Gejala seperti jadual menunggu bas yang tidak tentu atau tidak tetap, kawasan-kawasan yang tidak ada perkhidmatan bas dan bas-bas uzur dan usang telah mengakibatkan kerugian kepada ekonomi dan kesulitan kepada pengguna perkhidmatan awam. Dengan pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia, tekanan terhadap pengangkutan awam yang efisien adalah lebih ketara. Oleh sebab itu, warga kota Johor Bahru berpendapat sudah tiba masanya satu pelan komprehensif peningkatan perkhidmatan pengangkutan awam diadakan. Sebelum ini, kita pernah mengadakan pelan pelaksanaan sistem transit pantas Bandaraya Johor Bahru tetapi pelan itu tidak pernah dapat dilaksanakan. Kali ini saya berharap Kerajaan dapat menimbangkan pelaksanaan sistem transit pantas di Bandaraya Johor Bahru dengan secara serius untuk memenuhi keperluan yang semakin mendesak serta membawa penghasilan dan manfaat kepada Bandaraya Johor Bahru. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ok. Yang Berhormat Datuk Haji Osman bin Sapian dijemput.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Sapian (Kempas) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Malaysia telah membangun dengan pesat dan menjadi negara yang termaju sekali di antara negara yang terbangun di dunia ini. Malah negara yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak 57 tahun dahulu melalui transformasi dari negara yang tidak dikenali oleh orang asing, kini telah menjadi negara yang terkenal sehingga sokongan dan bantuannya dalam hal ehwal dunia dicari dan dipohon. Transformasi yang dirancang juga mempunyai garis panduan dan bermatlamatkan ke arah wawasan 2020. Dasar-dasar Kerajaan jelas melambangkan ketelusan dan ketegasan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Malah ia dibantu pula dengan sikap bertoleransi di antara semua kaum di negara ini yang sekali gus membolehkan rakyat hidup dengan aman, damai serta harmoni dalam mengacapi kemewahan dan kemakmuran negara.

Kini, dunia mengakui dan menghormati usaha-usaha pembangunan negara yang mengikut acuannya sendiri tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan tekanan negara lain. Kunci kejayaan kita ialah Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengamalkan konsep 3 T iaitu telus, toleransi dan transformasi. Keutuhan negara yang bertambah kukuh jika undang-undang dikuatkuasakan dengan secara telus dan tegas. Kepimpinan dan yang dipimpin juga perlu memperlihatkan sikap keterbukaan, bersedia menerima teguran bagi mencerminkan ketelusan dalam Kerajaan. Pentadbiran Kerajaan juga akan sentiasa mengamalkan dasar keterbukaan dan dengan ketelusan serta ketegasan tanpa memilih latar belakang atau status seseorang. Sektor Awam pula juga akan berubah daripada hanya berperanan mengawal selia dan penguatkuasaan undang-undang kepada peranan pemudah cara. Membantu secara berkesan, menjayakan usaha dan peranan sektor swasta dengan kadar lebih cekap, lebih cepat dan lebih telus. Ia juga sekali gus akan mencerminkan imej perkhidmatan yang bersih, bebas dari rasuah. Layanan mesra dan saksama kepada semua rakyat terutama kumpulan bawahan, di kalangan orang miskin, di kalangan rakyat biasa, di kalangan yang tidak berpangkat dan tidak berkedudukan iaitu di kalangan yang tidak memiliki nama besar atau pangkat. Keselamatan harta benda dan keselamatan negara terutama bagi kanak-kanak dan pengunjung ke negara ini perlu dijamin melalui komitmen dan kesungguhan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tugas dan memerlukan penglibatan semua pihak dalam menambahkan kejayaan negara kita ini.

Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada amalan demokrasi sebagai cara yang menentukan siapa yang menjadi pemerintah negara sejak 53 tahun dahulu. Bagaimanapun, di negara-negara pengamal demokrasi lain, ada di antara yang gagal memanfaatkan amalan demokrasi dengan sepenuhnya. Ada yang tidak ditadbir sama sekali, ada yang menghadapi rusuhan sepanjang masa, ada juga pentadbiran yang tidak berwibawa, tidak cekap dan tidak telus. Negara kita berupaya mewujudkan suasana yang aman dan harmoni, rakyatnya sentiasa berdaya tahan menghadapi berbagai-bagai ancaman serta cubaan memusnahkan ketenteraman dan kebebasan yang di kecapai selama ini.

Penyertaan semua kaum melalui 1Malaysia berjaya merealisasikan hasrat dan kehendak semua rakyat yang sentiasa mahukan keamanan dan kesejahteraan hidup berbanding sesetengah negara lain. Faktor utama kejayaan semua bangsa adalah keupayaan mereka melalui kerajaan di bawah konsep 1Malaysia. Mengekalkan

toleransi terhadap semua bangsa, kaum serta agama dan menentukan tidak ada penyalahafsiran untuk kepentingan mana-mana pihak. Bagaimanapun, dengan amalan bertoleransi kerajaan tidak akan sekali-kali menggubalkan kepentingan negara dan sama sekali tidak akan berkompromi dalam mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan juga negara.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Y.B. Dato' Speaker : Akhirnya...

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Kita menerima maklumat bidang pendidikan khususnya berkaitan dengan prestasi yang membanggakan pelajar-pelajar dalam Dewan Undangan Negeri Kempas dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM, saya sebagai Wakil Rakyat DUN Kempas turut berbangga dan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor tetapi persoalannya bagaimanakah untuk kita meningkatkan prestasi yang baik ini ataupun sekurang-kurangnya mengekalkan. Kita menerima maklumat bahawa banyak peruntukan untuk sekolah-sekolah yang telah dipotong dan ini menyebabkan banyak aktiviti-aktiviti sekolah yang tergendala. Banyak pertandingan sukan-sukan tertentu dibatalkan, pelbagai latihan untuk guru dan pelajar diadakan dengan peruntukan yang sangat terhad. Ada guru-guru yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang terpaksa keluar duit poket sendiri untuk menghantar pelajar-pelajar yang mewakili sekolah ke pertandingan-pertandingan sukan dan lain-lain. Kita sedar bahawa peruntukan yang dipotong ini di bawah kerajaan pusat iaitu Kementerian Pelajaran tetapi yang akan menerima kesannya adalah pelajar-pelajar Negeri Johor khasnya iaitu anak-anak kita sendiri. Mahu tidak mahu, kita perlu cari jalan penyelesaiannya. Saya suka mencadangkan supaya usaha-usaha penjimatan yang sedia ada seperti penjimatan tenaga elektrik, manakala program-program yang tidak memberi kesan langsung kepada peningkatan mutu pembelajaran murid-murid ditangguhkan ataupun diadakan secara sederhana sahaja sesuai dengan keadaan ekonomi. Mesyuarat Agung PIBG, hari sukan sekolah, hari graduasi tingkatan 5 dan apa jua sambutan yang lain perlulah diadakan dalam skala yang sangat sederhana sesuai dengan peruntukan kewangan yang semakin mengecil dan tumpuan seharusnya ke arah program-program yang mampu meningkatkan prestasi pelajar. Pengajaran yang perlu dikutip dalam situasi seperti ini adalah sesungguhnya Islam mengajar kita untuk berjimat cermat bukan sahaja di waktu susah tetapi sewajarnya diamalkan juga di waktu senang.

Y.B. Dato' Speaker : Ok, masa.

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Itu saja ucapan saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya berucap. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Yang Berhormat Dato' Osman bin Haji Yusof. Yang Berhormat tak nak berucap? Lagi baik.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Sikit aje yang nak cakap.

Y.B. Dato' Speaker : Oh nak juga, Oklah.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Dato' Speaker : Waalaikumusalam.

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof (Kukup) : Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua sedar akhbar-akhbar, media-media massa elektronik semua aliran bahasa adalah penting bagi menyampaikan maklumat dan berita kepada rakyat. Walau bagaimanapun, Kukup merasakan ketika ini, oleh kerana mungkin keghairahan pihak media massa untuk melariskan jualan akhbar masing-masing dan mungkin terlalu terikut-ikut dengan *the freedom of press* dengan izin atau mungkin ada sebab-sebab dan kepentingan dan hasrat-hasrat yang tersirat tertentu atau mungkin ada unsur di puak-puak yang tidak senang dengan kemudahan negara ini, kini lebih tertumpu memaparkan berita-berita sensasi yang kadangkala *over blown* atau *over reported* dengan izin dan kadangkala membawa kesan yang amat negatif kepada negara kita yang didiami oleh pelbagai kaum dengan sengaja atau tidak sengaja. Dan ada kalangan menyebabkan keresahan antara kaum dan adakala boleh menyebabkan ketegangan hubungan di antara sesama negara jiran kita. Kukup rasa ini amat amat tidak sihat kalau tiada usaha dan kegagalan oleh semua pihak untuk kita sama-sama memperbetulkan keadaan ini atau mematahkan usaha yang tidak baik ini. Kukup mengharap pihak media massa perlu meletakkan *national multi racial unity, national security, national pride and national integrity* dengan izin sebagai satu kewajipan yang perlu dijaga malah perlu dijaga oleh semua pihak lapisan rakyat di negara kita ini.

Malaysia mempunyai undang-undang yang dihormati dan berintegriti yang tinggi. Setiap kesalahan sudah pasti terbukti dikenakan hukuman yang setimpal malah kita semua sedar di negara ini tiada suatu negara pun yang boleh dikatakan sifar dari jenayah atau *free from crime* dengan izin.

Pada pengamatan kukup, kita mudah *over blown* atau *over reported* sesuatu isu yang kadang kala membawa kepada seolah-olah negara kita tidak selamat didiami dan ada kalanya menakutkan pelancong dan pelabur-pelabur asing tanpa kita sedari yang mana sudah pasti akan merugikan negara kita dari pelbagai aspek.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini bermacam-macam isu yang Kukup rasakan berita yang disensasikan seperti kes pembunuhan jutawan produk kecantikan yang masih dalam siasatan rapi oleh pihak Polis, sepatutnya tidak diganggu oleh pelbagai persepsi cerita-cerita yang masih diragui kesahihannya. Sepatutnya segala bukti jika bersangkutan diserahkan terus kepada pihak Polis untuk siasatan, bukan terus dikeluarkan di akhbar-akhbar yang kita kkuatiri boleh menyebabkan risiko keselamatan kepada pengadu-pengadu dan juga mungkin menjejaskan sistem kehakiman kita dan banyak lagi isu-isu yang kita boleh sampaikan di sini.

Dengan itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Kukup mengharapkan agar Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula syarat-syarat dan garis-garis panduan dalam

penyiaran sesuatu berita agar ketetapan dengan keperluan negara semasa dan seandainya ada syarikat-syarikat percetakan media massa tidak kira aliran apa juga dan jika melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan pihak Kementerian tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas dan berani.

Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker : Ha, terima kasih Kukup. Ok tak ada nak jawab. Nampak semua baik.

Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan, dipersilakan ke jamuan hari raya di Dewan Jamuan ya semua, Ketua-Ketua Jabatan, Pemerhati ke, siapa ada. Semua dipersilakan untuk ke majlis jamuan.

Ahli Yang Berhormat, dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11:40 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

Penolong Jurutulis

Cik Shubannah binti Yusuf

Kordinator

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Cik Malina binti Mohd. Nasir
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Tadbir (Mesyuarat)

Puan Zainah binti Mansor

Pembantu Tadbir Rendah

Puan Hanifa binti Mohamed

Pembantu Am Rendah

Encik Ahmad Amizan bin A. Samad
Encik Mohd. Hassan bin Jamian
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhammad Khirunizam bin Pahmi

Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

Puan Saniah Kassim
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing
Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Rumiah binti Semirono
Pejabat SUKJ Cawangan Perumahan

Puan Suriati binti Abdul Hajar
Pejabat Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor

Puan Siti Romizah binti Abd. Razak
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Nor Wahidah binti Elias
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Rahimah binti Akhbar
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Rakaman

Encik Abdul Rahman bin Elias
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR**

30 September 2010